

# Kesan Positif Pemberian Sedekah: Aplikasi Kaedah Pembuktian Langsung dengan Menggunakan Teori Nilai Mutlak dan Persamaan Pendapatan Boleh Guna

*A Positive Effect of Giving Sadaqah: Application of Direct Proof Method Using The Absolute Value Theory and The Equation of Disposal Income*

Nazrul Azlan Abdul Samat<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Sultan Azlan Shah, 33000, Kuala Kangsar, Perak, Malaysia;

Article progress

Received: 17 November 2022

Accepted: 29 November 2022

Published: 31 May 2023

\*Corresponding author:

Nazrul Azlan Abdul Samat,  
Universiti Sultan Azlan Shah,  
Perak, Malaysia;

Email:

nazrul\_lan@usas.edu.my

**Abstrak:** Islam adalah agama yang sangat prihatin dalam membimbing dan membina seorang Muslim yang baik. Salah satu anjuran utama dalam Islam ialah dengan memberi sedekah secara sukarela dan ikhlas. Sedekah atau memberi derma boleh dikategorikan sebagai tingkah laku positif yang menunjukkan kemurahan hati dan kasih sayang seseorang Muslim demi mendapatkan keredhaan Allah SWT, tanpa mengharapkan balasan. Selain itu, motivasi untuk bersedekah dibuat bagi mencari amal kebaikan di dunia dan Akhirat serta meningkatkan kepuasan diri. Bagi memenuhi tujuan tersebut, Muslim tersebut akan memberikan sedekah secara sukarela kepada seseorang yang memerlukan dengan sepenuh hati dan seterusnya dapat mewujudkan masyarakat yang seimbang. Tindakan bersedekah secara konsisten dapat memberi impak yang positif kepada masyarakat dengan menstabilkan sosio-ekonomi dan menyebabkan pengagihan kekayaan yang adil dalam kalangan masyarakat. Kesan positif pemberian sedekah telah dibincangkan secara meluas oleh ramai pengkaji dengan menggunakan pelbagai kaedah dan model. Kertas kerja ini memfokuskan untuk membuktikan secara bermatematik kesan positif amalan pemberian sedekah seperti yang disebutkan dalam banyak ayat Al-Quran dan Hadis. Teori Nilai Mutlak dan Persamaan Pendapatan Boleh Guna,  $Y_d$ , telah digunakan dalam pembuktian ini. Sebelum pembuktian dijalankan, beberapa andaian telah dicipta dan  $Y_d$  telah diubah suai. Pembuktian ini telah dijalankan dengan menggunakan Kaedah Langsung. Dengan merujuk Sahih Muslim No. 2588 dan sifat-sifat nilai mutlak, nilai  $|Y_d|$  didapati menjadi lebih besar atau sama dengan sifar apabila nilai  $x$  telah meningkat. Nilai  $|Y_d|$  telah menghasilkan nilai yang positif. Sekiranya nilai  $x$  terus meningkat sehingga ke nilai infiniti, maka nilai  $|Y_d|$  menjadi infiniti (tidak terhingga). Daripada keputusan, kita boleh simpulkan bahawa sumbangan pemberian sedekah daripada pendapatan boleh guna tidak akan mengurangkannya kepada nilai negatif (kerugian) tetapi ia akan sentiasa menjadi nilai yang positif.

**Kata kunci:** Kaedah Pembuktian Langsung; Teori Nilai Mutlak; Persamaan Pendapatan Boleh Guna; sedekah; nilai positif

**Abstract:** Islam is a religion that very concerning in guiding and constructing a good Muslim. One of a major recommendation in Islam is by giving sadaqah voluntarily and sincerely. Sadaqah or giving donation can be categorized as a positive behavior that shows generosity and love of a Muslim in order to obtain a pleasing Allah SWT, without expecting anything in return. Besides that, the motivation of giving sadaqah frequently is made for seeking good deeds in this

word and the hereafter and increasing self-satisfaction. To meet these purposes, he will give a voluntary charity to someone in need wholeheartedly and hence can create a balanced community. The consistency act of giving sadaqah can give a positive impact to society by stabilizing socio-economy and causing a fair distribution of wealth among communities. The positive impact of giving sadaqah have been discussed extensively by many researchers using various method and model. This paper is focusing on proving mathematically the positive effect of giving sadaqah as mentioned in many verses in Al-Quran and Hadith. The Absolute Value Theory and the Equation of Disposal Income,  $Y_d$  were used in this proof. Before the proof was conducted, several assumptions were created and  $Y_d$  was modified. This proof was performed by using Direct Method. By referring Sahih Muslim No. 2588 and the properties of the absolute value, the value of  $|Y_d|$  was greater or equal to zero as the value of  $x$  increased. The value of  $|Y_d|$  produced a positive value. If the value of  $x$  continuously increases up to infinity value, then  $|Y_d|$  becomes infinity. From the result, we can conclude that the contribution of giving sadaqah from our disposal income does not reduce it into negative value (loss) but it will always be a positive value.

**Keywords:** Direct Proof; The Absolute Value Theory; the Equation of Disposal Income; sadaqah; the positive value

## Pengenalan

Seorang Muslim secara fitrahnya akan sentiasa berusaha untuk menjadi seorang Muslim yang terbaik bagi membolehkan mereka mendapat ganjaran-ganjaran pahala yang banyak di dunia dan di akhirat. Amalan pemberian sedekah atau pemberian derma merupakan salah satu amalan yang positif yang boleh membentuk peribadi Muslim yang baik. Menurut (Chetioui, 2022), amalan sedekah merupakan amalan yang mampu mendekatkan diri mereka dengan Allah SWT dan sekaligus mampu membentuk sifat-sifat diri yang positif. Selain itu, amalan sedekah juga mampu membina sifat filantropi iaitu pembinaan rasa kasih sayang terhadap sesama manusia. Banyak ayat al-Quran dan Hadith yang menceritakan kelebihan-kelebihan memberi sedekah. Antaranya ialah seperti firman Allah SWT dalam Surah Al-Munaafiqun:10, "Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: "Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh." Contoh-contoh ayat Al-Quran yang lain yang berkaitan dengan sedekah diringkas di dalam Jadual 1.

**Jadual 1.** Contoh-contoh ayat Al-Quran yang menceritakan kelebihan memberi sedekah.

Bil	Petikan Ayat Al-Quran
1	"Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji." (2:267)
2	"Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membanggabanggakan diri." (4:36)
3	"Orang-orang (munafik) yang mencela sebahagian dari orang-orang yang beriman

mengenai sedekah-sedekah yang mereka berikan dengan sukarela, dan (mencela) orang-orang yang tidak dapat (mengadakan apa-apa untuk disedekahkan) kecuali sedikit sekadar kemampuannya, serta mereka mengejek-ejeknya, - Allah akan membala ejek-ejekan mereka, dan bagi mereka (disediakan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.” (9:79)

- 4 “Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah Dia lah yang menerima taubat dari hamba-hambaNya, dan juga menerima sedekah-sedekah (dan zakat serta membalaunya), dan bahawa sesungguhnya Allah Dia lah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani?” (9:104)
- 5 “Sesungguhnya orang-orang lelaki yang bersedekah dan orang-orang perempuan yang bersedekah, serta mereka memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas), akan digandakan balasannya (dengan berganda-ganda banyaknya), dan mereka pula akan beroleh pahala yang mulia.” (57:18)

Selain itu juga, (Chetioui, 2022) telah menyatakan bahawa amalan pemberian sedekah mempunyai peranan yang sangat penting dalam membentuk kestabilan ekonomi dan meningkatkan kebajikan sosial. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas terutamanya ketika berlakunya pandemik COVID-19. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh (Tamili, 2022), pandemik COVID-19 telah menimbulkan kesan yang negatif kepada kesihatan fizikal dan mental manusia akibat kehilangan punca pendapatan yang telah menyebabkan penurunan pendapatan isi rumah. Oleh itu, banyak organisasi yang telah mengusahakan untuk memberi bantuan kewangan dalam bentuk sedekah kepada pelbagai pihak yang terjejas bagi mengurangkan bebanan kewangan yang dihadapi oleh mereka. Penyelidik seperti (Fithor, 2021) telah mendapati bahawa pengumpulan pelbagai jenis bantuan kewangan seperti sedekah secara maksimum mampu untuk menurunkan kadar kemiskinan dan ketidaksamaan ekonomi ketika musim COVID-19.

Pelbagai kaedah dan cara telah digunakan bagi membolehkan pemberian sedekah dapat dijalankan dengan sempurna dan berkesan kepada individu-individu yang memerlukan bantuan kewangan. Perkembangan dunia digital terutamanya dalam bidang kewangan telah menyebabkan kaedah pemberian sedekah juga turut berubah. Kini, penggunaan kaedah bayaran sedekah secara elektronik melalui platform Fintech telah digunakan bagi membolehkan peningkatan pungutan sedekah dan menyebabkan pengurusan pengumpulan sedekah dapat dibuat dengan

lebih berkesan dan sistematik (Tartila, 2022).

## Definisi Sedekah

Pelbagai bentuk definisi telah dibuat oleh ramai penyelidik bagi mentakrifkan maksud sedekah. Menurut (Craig, 2012), sedekah boleh ditakrifkan sebagai pemberian sesuatu benda secara sukarela dalam tempoh tertentu. Mengikut (Siddiqui, 2022), jumlah pemberian sedekah selalunya melebihi kadar minimum yang ditetapkan untuk pemberian zakat. (Paizin, 2014) pula telah menyatakan bahawa sedekah merujuk kepada satu kaedah pemberian pertolongan dalam bentuk harta benda yang menjadi platform bagi mewujudkan jalinan baik antara individu dan masyarakat. (Husin, 2021) telah mendefinisikan sedekah sebagai pemberian sesuatu benda yang mampu untuk memberi manfaat kepada seseorang tanpa mengharapkan balasan daripada orang yang menerima sedekah. Dari sudut ekonomi pula, (Afolabi, 2021) telah menggambarkan sedekah sebagai alat yang boleh meminimumkan kadar kemiskinan dalam sesuatu masyarakat. (Amin, 2022) pula telah merujuk sedekah sebagai pemberian barang dan wang tanpa mengharapkan balasan semula atas pemberian yang telah diberi. (Awang et al., 2017) pula telah menyimpulkan definisi sedekah dengan lebih meluas dan padat dengan menyatakan bahawa sedekah merujuk kepada pemberian derma sama ada dalam bentuk material dan bukan material.

Berdasarkan definisi-definisi ini, dapatlah kita simbulkan bahawa sedekah merupakan satu alat pemberian yang berbentuk kewangan atau bukan kewangan yang digunakan bagi membantu mereka yang memerlukan atau memenuhi sesuatu keperluan masyarakat dalam tempoh masa tertentu tanpa mengharapkan balasan semula atas pemberian-pemberian tersebut. Pemberian ini boleh disifatkan sebagai wajib atau tidak wajib bergantung kepada syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak.

## Kajian Lepas

Kajian mengenai peranan-peranan dan kelebihan-kelebihan sedekah telah dibincangkan oleh ramai penyelidik. Ketika ini, penyelidik-penyelidik seperti (Haron, 2021), (Putra, 2022) dan (Andrean, 2022) telah menumpukan kajian sedekah dengan menyatakan bahawa sedekah merupakan alat kewangan sosial yang telah membantu ramai individu dalam mengatasi

pelbagai masalah kewangan ketika dan selepas berakhirnya (fasa pemulihan) pandemik COVID-19.

Sebelum ini, penyelidik-penyalidik seperti (Benaouda Bensaid, 2013) telah menjalankan analisis kerangka konsep melalui kajian norma-norma dan hukum-hukum sedekah bagi meningkatkan huraian dan perspektif amalan sedekah yang juga merupakan sebahagian amalan filantropi dalam Islam. (Senturk, 2016) juga telah menghuraikan hal-hal berkaitan sedekah melalui buku beliau yang bertajuk “Charity in Islam: A Comprehensive Guide to Zakat (Islam in Practice)”. Melalui buku ini, beliau telah menerangkan peranan sedekah dalam mewujudkan suasana ekonomi yang harmoni yang mampu memberi keseimbangan antara mereka yang kaya dengan mereka yang mengalami kekurangan harta.

Selain itu, terdapat juga penyelidik yang membuat kertas kerja konsep mengenai sedekah melalui kajian yang telah mereka perolehi melalui analisis ayat-ayat al-Quran dan Hadith seperti kajian yang telah dijalankan oleh (Awang et al., 2017). Kajian-kajian seperti ini membuka ruang penjelasan sedekah dengan lebih meluas dan sekaligus memberi manfaat kepada kita bagi memanjangkan huraian mengenai sedekah. (Intansaputri, 2022) pula telah membangunkan kajian secara analisis semiotik melalui ayat-ayat al-Quran. Mereka telah menyimpulkan kajian secara kualitatif ini dengan menyatakan bahawa sedekah merupakan salah satu pembolehubah baharu dalam ekonomi Islam yang berpotensi besar bagi mengoptimumkan pengagihan yang seimbang dan menegakkan keadilan ekonomi dalam sesuatu masyarakat.

Kajian mengenai sedekah juga turut dijalankan dengan mengaplikasikan kelebihan-kelebihan sedekah dalam membangunkan sesuatu model seperti model ekonomi. Antaranya seperti (Hassan, 2017). Mereka telah mengaplikasikan kelebihan konsep sedekah bagi membangunkan model-model ekonomi yang mampu memberi manfaat kepada individu, masyarakat dan kawasan sesuatu tempat. Contoh-contoh model lain yang menggunakan konsep sedekah ditunjukkan di dalam Jadual 2.

**Jadual 2.** Contoh-contoh model lain yang menggunakan konsep sedekah.

Bil	Penyelidik	Penemuan Utama
1	(Piliyanti, 2010)	Zakat, infaq, sedekah dan wakaf telah menjadi alat yang mampu membasi kemiskinan di Indonesia.

2	(Hameed, 2018)	Penggunaan Model Sadaqa House mampu untuk membantu dalam menyantuni kebajikan ummah.
3	(Kamaruddin, 2020)	Penggunaan konsep sedekah dalam membantu pembentukan industri buku di Malaysia.
4	(Hydara, 2020)	Peningkatan pelaburan pertanian melalui model hibrid waqaf, sedekah dan takaful bagi membantu wanita-wanita di kawasan pedaman Gambia melalui pembentukan aktiviti-aktiviti pertanian.
5	(Woodward, 2022)	Pemberian sedekah mampu menyokong secara tidak formal kepada komuniti Muslim berketurunan Pakistan di Britain yang berada dalam kelas sosio-ekonomi rendah.

Berdasarkan penelitian semasa, kami mendapati masih terdapat ruang untuk memanjangkan huraian untuk membuat kajian kelebihan-kelebihan sedekah melalui pembuktian bermatematik dan kaedah mantik. Menurut (Ismail, 2022) mantik merujuk kepada ilmu yang bersistem untuk berfikir secara waras dan rasional berdasarkan akal yang sihat. Oleh itu, bagi membolehkan proses pembuktian dibuat secara bersistem, maka kaedah Pembuktian Langsung digunakan dengan melibatkan Teori Nilai Mutlak. Penggunaan nilai mutlak atau modulus telah mula digunakan pada awal Abad ke 19 oleh Jean-Robert Argand, seorang Ahli Matematik berbangsa Perancis (Chegg.com, 2022).

## Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan membuat pembuktian secara bermatematik kesan positif melalui amalan bersedekah melalui kaedah Pembuktian Langsung dengan menggunakan pernyataan bersyarat, “jika..., maka...”. Pernyataan bersyarat ini juga boleh ditulis dalam bahasa Matematik seperti keadaan berikut:

$$P \Rightarrow Q,$$

di mana pernyataan P dan Q adalah benar. Pembuktian Langsung merupakan kaedah pembuktian yang paling asas dalam Matematik. (C. B. Gupta, 2010) telah menyatakan bahawa Pembuktian Langsung merujuk

kepada kaedah untuk menunjukkan kebenaran bagi sesuatu pernyataan dengan menggunakan kombinasi fakta-fakta secara langsung berdasarkan teori-teori dan definisi-definisi sedia ada yang telah dibuktikan benar. Kaedah ini memerlukan hujah pembuktian bermatematik yang dibina melalui pembinaan hipotesis dan kesimpulan, di mana hipotesis tersebut diandaikan sebagai benar (Taylor, 2014). Kemudian, proses penghujahan bermatematik diteruskan melalui kaedah Deduksi-Hipotesis sehingga pernyataan terakhir (kesimpulan) ditemui.

Oleh kerana pembuktian ini memerlukan teori-teori dan definisi-definisi sedia ada yang telah dibuktikan benar, maka kami telah menggunakan Teori Nilai Mutlak dan Persamaan Pendapatan Boleh Guna Secara Individu bagi memanjangkan huraihan mengenai kesan positif amalan bersedekah. Menurut (Robert Smith, 2018), definisi Fungsi Nilai Mutlak adalah seperti berikut: "Nilai mutlak merujuk kepada sebarang objek Matematik yang bernilai bukan negatif (positif), dengan tanda  $|.|$ , di mana tanda  $"."$  merupakan sebarang objek Matematik. Penggunaan tanda  $|.|$  telah diperkenalkan oleh Karl Weierstrass pada tahun 1841. Fungsi Nilai Mutlak bagi satu nilai nyata,  $x$ , adalah digambarkan seperti persamaan di bawah:

$$|x| = \begin{cases} x, & \text{jika } x \geq 0 \\ -x, & \text{jika } x < 0 \end{cases} \quad (1).$$

Melalui Persamaan (1), kita boleh katakan bahawa jika nilai  $x$ , adalah negatif, maka  $-x$  akan menjadi nilai positif. Oleh itu, nilai  $|x|$  akan sentiasa positif, di mana  $|x| \geq 0$ . Nilai positif ditakrifkan oleh (Privitera, 2012) sebagai nilai yang lebih besar daripada sifar. Selain itu, Fungsi Nilai Mutlak bagi satu nilai nyata,  $x$ , juga boleh ditakrifkan sebagai (Borovik, 2009)

$$|x| = \max\{x, -x\} = x \quad (2).$$

Menurut (McKeague, 1982) pula, jika nilai asal bagi nilai mutlak adalah positif, maka nilai tersebut menjadi positif. Sebaliknya berlaku, jika nilai asal adalah negatif, maka nilai tersebut akan menjadi positif seperti yang telah ditunjukkan melalui Persamaan (1). Nilai mutlak boleh digunakan bagi mengira magnitud dan jarak nombor antara satu nombor nyata dengan satu nombor nyata yang lain.

Persamaan Pendapatan Boleh Guna Secara Individu,  $Y_d$ , pula ditakrifkan seperti berikut (Hasan, 2009):

$$Y_d = Y - T \quad (3),$$

di mana nilai  $Y$  mewakili pendapatan individu dan  $T$  merupakan nilai cukai pendapatan individu. Dalam kajian ini, kami telah menggantikan nilai  $T$  sebagai nilai sedekah. Pemilihan  $Y_d$  dibuat kerana  $Y_d$  dapat membantu dalam mengukur tahap kewangan isi rumah dan juga dikenali sebagai pengukur ekonomi (Team, 2021).

Sebelum pembuktian dilakukan, beberapa andaian telah dibina. Andaian-andaian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Nilai perbezaan antara  $Y - T$  dalam Persamaan (3) boleh diandaikan sebagai jarak atau perbezaan antara dua nombor nyata, iaitu  $Y \in \mathbb{R}$  dan  $T \in \mathbb{R}$ , di mana jarak atau perbezaan ini boleh ditulis semula dalam bentuk modulus seperti berikut:

$$|Y_d| = |Y - T| \quad (4).$$

Pembinaan bentuk modulus untuk Persamaan (4) dapat dibentuk melalui proses berikut:

Langkah 1: Letakkan kuasa dua di bahagian kiri dan kanan Persamaan (3):

$$(Y_d)^2 = (Y - T)^2 \quad (5).$$

Langkah 2: Letakkan punca kuasa dua di bahagian kiri dan kanan Persamaan (5):

$$\sqrt{(Y_d)^2} = \sqrt{(Y - T)^2}.$$

Dengan mengaplikasikan definisi yang telah dinyatakan oleh (Schmalz, 2022):

$$\sqrt{(Y_d)^2} = |Y_d|,$$

dan

$$\sqrt{(Y - T)^2} = |Y - T|.$$

Oleh itu Persamaan (5) boleh ditulis sebagai:

$$|Y_d| = |Y - T|.$$

- ii.  $Y_d$  dalam Persamaan (4) telah diandaikan sebagai pendapatan boleh guna individu secara bulanan. Oleh itu, nilai  $Y$  mewakili pendapatan individu secara bulanan.
- iii.  $T$  telah digantikan dengan nilai sedekah dan diubah menjadi nilai sedekah yang berkadar yang bergantung dengan nilai  $x$  dan nilai  $Y$ . Oleh itu Persamaan (4) telah menjadi:  

$$|Y_d| = |Y - T(x)| = |Y - Yx| \quad (6)$$
- iv. Nilai  $x$  merupakan nilai peratus yang berada dalam julat  $x \geq 0\%$ .
- v. Persamaan (6) telah menggambarkan nilai  $Y$  sebagai nilai malar (tidak berubah) dan nilai  $x$  adalah nilai yang berubah. Nilai  $x$  boleh berubah secara bebas berdasarkan nilai julat yang dinyatakan di iv.

## Keputusan dan Perbincangan

Dalam pembuktian ini, kami telah membina pernyataan P dan Q seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3.** Penerangan berkaitan pernyataan P dan Q.

Pernyataan	Penerangan
P	Nilai perbezaan antara nilai pendapatan bulanan individu, $Y$ , dan nilai sedekah berkadar, $T(x)$ dalam bentuk modulus, $ Y - T(x) $ .
Q	Nilai pendapatan boleh guna bulanan secara individu $ Y_d $ adalah positif, $ Y_d  \geq 0$ .

Pernyataan P merupakan satu hipotesis yang telah diandaikan benar (rujuk andaian (i)), manakala pernyataan Q merupakan satu kesimpulan kepada pembuktian ini. Pernyataan Q dibuktikan benar melalui aplikasi penggunaan sifat-sifat nilai mutlak, di mana

$$\begin{aligned} |Y_d| &= |Y - T(x)| = |Y + (-T(x))|, \\ |Y + (-T(x))| &\leq |Y| + |-T(x)| \text{ (ketidaksamaan segitiga)}, \\ |Y| + |-T(x)| &= |Y| + |T(x)|. \end{aligned}$$

Oleh kerana sifat  $|Y| \geq 0$  dan  $|T(x)| \geq 0$ , maka nilai  $|Y_d|$  adalah positif dan ditulis sebagai  $|Y_d| \geq 0$ . Berdasarkan pembuktian ini, Pernyataan Q boleh dibuktikan benar.

Selepas pembinaan hipotesis dan kesimpulan yang telah dibuktikan benar, maka kita dapat membentuk pernyataan bersyarat P maka Q,  $P \Rightarrow Q$ , melalui kaedah Deduksi-Hipotesis seperti berikut:

“Jika nilai perbezaan antara nilai pendapatan bulanan individu,  $Y$ , dan nilai sedekah berkadar,  $T(x)$ , boleh dibentuk dalam bentuk modulus,  $|Y - T(x)|$ , maka nilai pendapatan boleh guna bulanan secara individu menjadi positif,  $|Y_d| \geq 0$ .”

Bagi menguji pergerakan nilai  $|Y - T(x)|$  (Persamaan 6) akibat peningkatan nilai  $x$ , contoh pengiraan berikut dibuat menggunakan Excel.

Andaikan  $Y = \text{RM}2,000$ ,  $0\% < x \leq 150\%$ . Dengan menggunakan Persamaan (6), pergerakan nilai  $|Y_d|$  adalah seperti Jadual 4 dan Rajah 1.

**Jadual 4.** Contoh pengiraan.


Nilai $Y$ (RM)	Nilai $x$ (%)	Nilai $ Y_d $ (RM)
2,000	10	1,800

2,000	20	1,600
2,000	30	1,400
2,000	40	1,200
2,000	50	1,000
2,000	60	800
2,000	70	600
2,000	80	400
2,000	90	200
2,000	100	0
2,000	110	200
2,000	120	400
2,000	130	600
2,000	140	800
2,000	150	1,000

Berdasarkan Jadual 4 dan Rajah 1, nilai  $|Y_d|$  akan bergerak dalam keadaan nilai positif, di mana  $|Y_d|$  secara umumnya berada dalam julat  $|Y_d| \geq 0$ . Pengiraan dan pembuktian ini adalah bertepatan dengan petikan Hadith Sahih Riwayat Muslim, No. 2588. Petikan Hadith tersebut adalah seperti berikut: “Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda: *Tidak akan berkurang harta dengan sedekah. Dan seorang hamba yang pemaaf pasti akan Allah tambahkan kemuliaan baginya.*” Pengiraan di atas juga menunjukkan pendapatan boleh guna seseorang individu tidak akan berkurang menjadi nilai negatif(rugi) dan akan sentiasa disimpan dalam keadaan nilai positif. Sekiranya peningkatan nilai  $x$  dibuat secara berterusan sehingga menghampiri nilai infiniti,  $\infty$ , maka nilai  $|Y_d|$ , akan menghampiri nilai  $\infty$ . Perkara ini dapat dibuktikan dengan menggunakan Teori Had pada titik infiniti,  $\infty$ , melalui Persamaan (6) seperti keadaan berikut (Minton, 2011):

**Rajah 1:** Pergerakan nilai  $|Y_d|$ .

$$\lim_{x \rightarrow \infty} |Y_d| = \lim_{x \rightarrow \infty} |Y - T(x)| \approx \infty.$$



Peningkatan nilai  $|Y_d|$ , sehingga infiniti,  $\infty$ , boleh diandaikan sebagai ganjaran pahala yang berlipat ganda dan terus meningkat tanpa had tertentu. Perkara ini adalah bertepatan seperti gambaran yang telah di firmankan oleh Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah:261, “*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya*”.

## Kesimpulan

Menerusi pembuktian yang telah dilakukan, didapati bahawa amalan sedekah akan memberi kesan positif kepada individu terutamanya dalam konteks pendapatan yang dimiliki oleh individu tersebut. Penggunaan kaedah Matematik telah membuktikan bahawa pendapatan yang dimiliki oleh seseorang tidak akan berkurang menjadi nilai negatif(kerugian) dan akan sentiasa berada dalam nilai yang positif. Nilai positif ini juga boleh diandaikan secara umum sebagai ganjaran pahala yang diberikan oleh Allah SWT melalui tindakan seorang Muslim yang memberikan sedekah.

## Limitasi Kajian

Kajian ini adalah kajian yang menyokong kepada huraian bahawa amalan sedekah memberi kesan-kesan positif kepada seseorang. Kajian-kajian akan datang yang mungkin akan dijalankan dengan pembuktian yang baru tidak akan memberi apa-apa kesan negatif kepada kandungan asal ayat-ayat al-Quran dan Hadith.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Sultan Azlan Shah atas sokongan dan bantuan yang telah diberikan.

## Rujukan

Afolabi, S. (2021). Poverty Alleviation in Nigeria Through Waqf: Adopting a Crowdfunding-Sadaqah Model (CSM). *Journal of Islamic Banking & Finance*, Vol. 38 (Issue 1), 70-83. [DOI: 10.1108/JIBF2021-02-001](https://doi.org/10.1108/JIBF2021-02-001) <https://doi.org/10.1108/JIBF2021-02-001> [Poverty Alleviation In Nigeria Through Waqf: Adopting A Crowdfunding-Sadaqah Model \(CSM\)](https://doi.org/10.1108/JIBF2021-02-001).

Amin, H. (2022). An Analysis of Online Sadaqah Acceptance among University Graduates in Malaysia.

*International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. [DOI: 10.1108/IMEFM-01-2019-0020](https://doi.org/10.1108/IMEFM-01-2019-0020)

Andrean, R. (2022). Digital Zakat, Infaq, and Sadaqah (ZIS) as a Solution to The Economic Impact of The COVID-19 Pandemic in Indonesia. *Islamic Philanthropy: Merits and Current Development*. Unida Gontor Press.

Awang, S. A., Muhammad, F., Borhan, J. T., & Mohamad, M. T. (2017). The Concept of Charity in Islam: An Analysis on the Verses of Quran and Hadith. *Journal of Usuluddin*, Vol. 45 (1), 141-172. [DOI: 10.22452/usuluddin.vol45no1.6](https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol45no1.6)

Benaouda Bensaid, F. G. (2013). Ethico-Spiritual Dimensions of Charity: An Islamic Perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research*, Vol. 13 (2), 171-182. [DOI: 10.5829/idosi.mejsr.2013.13.e.13015](https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.13.e.13015)

Borovik, A. (2009). *Mathematics under the Microscope: Notes on Cognitive Aspects of Mathematical Practice*. AMS.

C. B. Gupta, S. K. (2010). *Advance Discrete Structure*. New Delhi: I.K. International Publishing House.

[Chegg.com](https://www.chegg.com/learn/calculus/precalculus/absolute-value). (2022). Dicapai daripada <https://www.chegg.com/learn/calculus/precalculus/absolute-value>

Chetoui, Y. (2022). Antecedents of Giving Charitable Donations (Sadaqah) During the COVID-19 Pandemic: Does Islamic Religiosity Matter? *Emerald Insight*. [DOI: 10.1108/JIMA-09-2021-0296](https://doi.org/10.1108/JIMA-09-2021-0296)

Craig, R. R. (2012). *Sadaqah and Zakat: Almsgiving in the Early and Medieval Islamic Context*. University of Washington: SSRN.

Fithor, A. (2021). COVID-19 Pandemic Conditions: The Role of Sustainable Environment in Intentions to Give Zakat, Infaq, and Sadaqah. *ICDMM 2021*. E3S Web of Conferences 331, 01011. [DOI: 10.1051/e3sconf/202133101011](https://doi.org/10.1051/e3sconf/202133101011)

Hameed, L. B. (2018). Model SADAQA HOUSE: Menyantuni Kebajikan Ummah. *Proceedings of The 6th International Seminar on Entrepreneurship and Business*. ISEB, UMK. [DOI: 10.1108/JIBF2021-02-001](https://www.researchgate.net/publication/325000000) [Model SADAQA HOUSE: Menyantuni Kebajikan Ummah \(researchgate.net\)](https://www.researchgate.net/publication/325000000)

Haron, R. (2021). The Role of Zakat During Pandemic Crisis and Post Recovery. *Handbook of Research on Islamic Social Finance and Economic Recovery After a Global Health Crisis*. DOI: 10.4018/978-1-7998-6811-8.ch002. DOI: 10.4018/978-1-7998-6811-8.ch002

Hasan, Z. (2009). *Macroeconomics*. Oxford University Press.

Hassan, S. (2017). Persecuted Muslim Minority: Zakat, Waqf, and Sadaqah as financial Instrument for Human Development. *International Journal of Applied Business and Economic Research*, 15, 475-484. [\(PDF\) Persecuted Muslim Minority: Zakat, Waqf, and Sadaqah as financial Instrument for Human Development \(researchgate.net\)](#)

Husin, M. M. (16 November , 2021). *Islamic Social Finance: Protecting Economies and Communities in the COVID-19 Era and Beyond*. Dicapai daripada Global Sadaqah: <https://www.globalsadaqah.com/blog/islamic-social-finance-covid-19/>

Hydara, M. (2020). An Integrated Model of Waqf, Sadaqah and Takaful for Poverty Alleviation through Empowering Women Farmers in the Rural Gambia. *Journal of Islamic Finance*, Vol. 9 (No. 2 ), 1-12. <https://journals.iium.edu.my/iiibf-journal/index.php/jif/article/view/480>

Intansaputri, A. A., Waliko, Syah, T. A., & Basit, A. (2022). Sadaqah and Its Relevance to People's Economic Development: a Semiotic Analysis of Ferdinand De Saussure. Vol. 1(No. 1). <https://journal.das-institute.com/index.php/ajirss>

Ismail, M. R. (2022). Dicapai daripada Mantik dan Etnomantik dalam Epistemologi Islam: [https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf%20file/PK\\_MM/MANTIK%20DAN%20ETNOMANTIK%20DALAM%20EPISTEMOLOGI%20ISLAM.pdf](https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf%20file/PK_MM/MANTIK%20DAN%20ETNOMANTIK%20DALAM%20EPISTEMOLOGI%20ISLAM.pdf)

Kamaruddin, M. H. (2020). Islamic Crowdfunding Platform as an Alternative Book Fundraising in Malaysia. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 11-25. <http://ijiefer.kuis.edu.my/ircief/article/view/39>

McKeague, C. P. (1982). *Intermediate Algebra with Trigonometry*. Academic Press.

Minton, R. S. (2011). *Calculus: Early Transcendental Functions*. United States: McGraw Hill.

Paizin, M. N. (2014). Fadilat Mengeluarkan Zakat Dan Sedekah Menurut Perspektif Al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* Vol.8 No.2. [\[PDF\] Fadilat Mengeluarkan Zakat Dan Sedekah Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadith Rasulullah SAW \(researchgate.net\)](#)

Piliyanti, I. (2010). Transformasi Tradisi Filantropi Islam : Studi Model Pendayagunaan Zakat, Infaq, Sadaqah Wakaf di Indonesia. *Jurnal Ekonomika*, 11(2). DOI:[10.21580/economica.2010.1.2.838](https://doi.org/10.21580/economica.2010.1.2.838)

Privitera, G. J. (2012). *Statistics for the Behavioral Sciences*. SAGE Publications.

Putra, T. W. (2022). The Role of Islamic Social Finance in Facing Covid-19 and Economic Crisis. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. [www.ijicc.net](http://www.ijicc.net).

Robert Smith, R. M. (2018). *Calculus: Early Transcendental Functions 5th Edition*. McGraw-Hill Higher Education.

Schmalz, J. (2022). Dicapai daripada The University of North Alabama: [https://www.une.edu.au/\\_data/assets/pdf\\_file/0018/303912/absolute-value.pdf](https://www.une.edu.au/_data/assets/pdf_file/0018/303912/absolute-value.pdf)

Senturk, O. F. (2016). Charity in Islam: Comprehensive Guide to Zakat (Islam in Practice).

Siddiqui, S. (2022). Muslim American Zakat Report 2022. *ScholarWorks*. <https://hdl.handle.net/1805/28468>

Tamili, N. H. Azlan, A., & Bahri, S. (2022). Hakikat dan Kebahagiaan Jiwa Insan dalam Mendepani Pandemik COVID-19. *Jurnal Sains Insani*, 56-62. <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/447>

Tartila, M. (2022). Community Motivation for Selecting Zakat, Infaq, and Sadaqah Payment Methods using Fintech Platform. *Jurnal Zakat dan Wakaf*, 17-31. <http://dx.doi.org/10.21043/ziswaf.v9i1.14301>

Taylor, J. (2014). *Understanding Mathematical Proof*. CRC Press.

Team, C. (2021). *Disposable Income*. Dicapai daripada CFI: <https://corporatefinanceinstitute.com/resources/economics/disposable-income/>

Woodward, A. (2022). "It Is Like Second Nature": Informal Giving among Pakistani Muslims in an English City. *Policy Press*, 355–375.